

13/09/1997

Mida pemacu industri negara

Wan Hazmir Bakar

MENJELANG ulang tahun ke-30 penubuhannya, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida), yang dipertanggungjawab memacu proses industri negara, boleh berbangga dengan kemajuan yang sudah dicapai selama ini.

Pengerusinya, Tan Sri Zainal Abidin Sulong, yang menerajui badan itu hampir sedekad, menyifatkan pengorbanan dan tahap profesionalisme tinggi pegawainya sebagai punca kejayaan.

Beliau berkata, perkara ini tidak memeranjatkan memandangkan mereka mempunyai pemimpin contoh seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dikenali sebagai "Jurujual Nombor Satu Negara".

"Pembangunan industri dan kejayaan adalah hasil usaha kakitangan kami yang menangani secara terus semua projek daripada soal promosi hingga ke peringkat pelaksanaan."

"Jika kita ingin membicarakan mengenai kepakaran dalam pembangunan industri atau perkembangan industri dalam kerajaan, tiada tempat lain yang boleh didapati kepakaran melainkan di sini," katanya.

Zainal Abidin, bekas diplomat yang diserapkan ke Mida pada 1988, berkata Perdana Menteri secara langsung berperanan utama menggalakkan peluang pelaburan di negara ini.

"Kedudukan Perdana Menteri di peringkat antarabangsa banyak membantu Malaysia bertapak kukuh dalam arena global."

"Daya usaha Dr Mahathir menjadikan tugas Mida lebih berkesan kerana pelabur asing tahu proses perindustrian negara tidak akan gagal dengan sokongan penuh dan komitmen Perdana Menteri sendiri," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir bukan sahaja "Jurujual Nombor Satu", tetapi penggerak perindustrian ekonomi Malaysia dan banyak kejayaan yang dicapai dalam sektor industri negara adalah hasil buah fikirannya.

Zainal Abidin juga berkata, misi perdagangan dan pelaburan yang kerap dilakukan, diketuai Menteri Perdagangan Perindustrian dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz ke luar negara terutama negara pengeksporth modal serta seminar dihidirinya, sangat berguna untuk memberi maklumat kepada pelabur berpotensi mengenai daya tarikan pelaburan di Malaysia.

Katanya, kekerapan interaksi menteri itu dengan pelabur berpotensi menjadi penyumbang utama kepada aliran pelaburan langsung asing ke Malaysia.

Malah, seminar pelaburan tempatan yang dirasmikan Rafidah juga menjadi forum berguna bagi pelabur tempatan untuk mendapat maklumat mengenai peluang dalam sektor pembuatan.

"Dia (Rafidah) harus dipuji kerana kejayaan Malaysia dalam sektor perindustrian sejak dia mengetuai kementerian itu. Kekerapan sesi dialognya dengan sektor swasta sering disambut baik dan beliau dikenali kerana kecekapan menggubal dasar yang sentiasa sejajar dengan keperluan perdagangan dan pelaburan negara," katanya.

Bagaimanapun katanya, penguasaan teknologi baru penting bagi mencapai daya loncatan yang amat diperlukan negara untuk mencapai status negara maju.

"Malaysia sudah lama mengharungi arus pembangunan teknologi dalam tempoh 30 tahun lalu. Tahap teknologi yang digunakan dalam syarikat pengeluaran hari ini adalah jauh lebih tinggi dan canggih berbanding ketika negara baru memulakan sektor industri."

"Malaysia kini menarik lebih industri berintensifkan teknologi, dan ini membuktikan pencapaian negara dalam bidang teknologi. Syarikat Malaysia

kini mampu mengeluarkan dan mengeksport pelbagai produk, daripada kenderaan bermotor hingga semikonduktor," katanya.

Katanya, dalam usaha mengatasi jurang teknologi ini, syarikat Malaysia bertindak menguasai syarikat asing, antaranya tindakan Proton membeli Lotus.

Zainal Abidin berkata, pelbagai insentif dan program diperkenalkan kerajaan bagi menggalakkan penguasaan teknologi dan bidang kajian dan pembangunan (R&D).

Katanya, Malaysia juga berjaya dalam R&D bagi industri berasaskan bahan mentah seperti minyak kelapa sawit dan getah.

"Permohonan untuk R&D juga meningkat. Sebanyak 428 permohonan bagi pemotongan berganda untuk perbelanjaan kajian yang mendapat kelulusan dipertimbangkan oleh Mida pada 1996 berbanding 247 pada 1995."

"Pelaburan semula oleh syarikat dalam bentuk pembesaran atau pelbagaian juga menunjukkan corak peningkatan dengan jumlah pada 1996 mencapai RM11.8 bilion berbanding RM6.1 bilion pada 1995."

Katanya, pelaburan semula dalam produk nilai tambah lebih tinggi khususnya di bidang automasi, ini bermakna industri negara sudah menguasai teknologi tinggi dalam operasi pembuatan dan menjadi lebih kompetitif.

Zainal Abidin berkata, Mida sentiasa bersedia berkongsi pengalaman sejajar dengan polisi kerajaan untuk mewujudkan hubungan rapat dengan negara membangun, terutamanya semangat kerjasama Selatan-Selatan.

"Mida komited terhadap pembangunan kerjasama Selatan-Selatan," katanya.

Menurutnya, tugas Mida dalam menggalakkan dan mengatur pembangunan industri dalam negara sudah mendapat perhatian negara Selatan-Selatan dan ketua negara terbabit sudah melawat Mida untuk memahami struktur organisasi dan tugasnya.

"Kami sentiasa menerima permintaan untuk bantuan bagi melatih kakitangan dan memberi nasihat mengenai penubuhan agensi seumpamanya."

"Kami juga menghantar pegawai kanan terbaik ke negara terbabit apabila diminta bagi memberikan nasihat untuk penubuhan agensi penggalak seperti Mida," katanya.

Zainal Abidin berkata, Mida sudah menganjur program suaikenal secara rasmi bagi berkongsi pengalaman dalam menggalakkan dan mengatur pembangunan industri sejak 1994.

Katanya, program tahun ini yang baru tamat menarik lebih 60 peserta dari 33 negara.

Mengenai kesan penggalakan pelaburan di Malaysia dalam konteks Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dan Kawasan Pelaburan Asean (AIA) sama ada akan menjadi kenyataan, Zainal berkata, integrasi ekonomi Asean pasti menyediakan peluang untuk Mida mempromosikan Malaysia sebagai pintu masuk ke Asean.

"Kami boleh mempromosikan Malaysia bukan sahaja sebagai pangkalan pengeluaran untuk barangan untuk pasaran bukan Asean, tetapi juga untuk pasaran Asean yang kian berkembang."

"Untuk berjaya, kami perlu memastikan regim pelaburan Malaysia adalah menarik untuk pelabur asing dan segala prasarana dan kemudahan yang diperlukan tersedia bagi menarik pelaburan," katanya.

Menurutnya, tapak pasaran yang lebih besar akan membolehkan pengeluar tempatan yang kini dikongkong oleh pasaran domestik yang kecil menikmati skala pengeluaran ekonomi.

Zainal Abidin berkata, integrasi ekonomi di Asean akan mendedahkan pengeluar Malaysia kepada persaingan daripada jiran Asean.

"Kami akan menggalakkan industri yang mana Malaysia ada kelebihan komparatif dan kompetitif di Asean. Kami juga akan menggalakkan sebahagian daripada industri kita untuk melabur di negara Asean lain," katanya.

Katanya, Asean adalah kawasan pelaburan yang menarik mengikut apa saja

standard. Bagaimanapun, suasana pelaburan menjadi semakin kompetitif ketika negara dan kumpulan serantau terus meningkatkan regim pelaburan masing-masing untuk menarik modal.

"Adalah penting Asean kekal menarik untuk pelaburan dari punca dalaman dan luaran kerana ia menyumbang kepada pertumbuhan dinamik negara anggota," katanya.

Katanya, wawasan Asean menurut AIA ialah menjadi regim pelaburan yang begitu kompetitif, liberal dan telus yang akan menggalakkan pengaliran modal, sumber manusia dan teknologi di rantau itu menjelang tahun 2010.

Zainal Abidin berkata, untuk mencapai wawasan ini ia akan membabitkan tindakan bersama dan juga sendirian semua anggota Asean untuk mempromosikan prasarana pelaburan dan mengurangkan halangan pelaburan.

"Walaupun negara Asean berada pada tahap pembangunan yang berbeza, saya yakin AIA akan menjadi kenyataan menjelang 2010," katanya.

Beliau berkata, ketika negara menempuh alaf baru, Mida bersedia membawa sektor pembuatan yang membabitkan teknologi tinggi, barangan tambah nilai dan produktiviti tinggi.

Katanya, Mida akan memainkan peranan secara lebih efektif bagi memastikan sektor pembuatan kekal mantap dan kompetitif.

"Mida juga akan memikul tanggungjawab untuk menggalakkan industri perkhidmatan berkaitan sejajar dengan Pelan Induk II yang mahukan pembangunan wawasan semua industri termasuk pembuatan dan perkhidmatan sokongan," katanya.

Zainal Abidin berkata, sektor pembuatan perlu meningkatkan produktiviti dan pengetahuan mengenai pengeluaran dan Mida bersedia memberi bantuan bagi menjayakannya.

Mengenai aspirasi dan impian beliau terhadap Mida, Zainal Abidin berkata, badan itu perlu mengenali masalah dan cabaran baru, terutamanya yang berkaitan dengan proses globalisasi.

Sehubungan itu, katanya, Mida perlu memperluaskan jaringannya di negara maju dan juga membangun bagi membolehkan ia berada di depan dalam apa jua perkembangan baru dalam bidang teknologi, teknik dan pengurusan.

"Kita perlu bersedia untuk masa depan dalam Abad ke-21," katanya.

(END)